PERUTUSAN ALUAN

YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
TIMBALAN PERDANA MENTERI
DAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

HARI TVET NEGARA 2024
& PELANCARAN DASAR TVET NEGARA

TEMPAT
INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN (ILP) KUALA LANGAT
PADA
8 JUN 2024 | 10.30 PAGI

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, marilah sama-sama kita merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya kita dapat menjayakan Hari Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Negara 2024 pada hari ini. Bagi pihak seluruh warga TVET, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih di atas kesudian Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri yang sudi hadir seterusnya merasmikan Hari TVET Negara 2024 ini.

2. Kehadiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini merupakan manifestasi Kerajaan yang memberi penekanan kepada peranan TVET dalam memacu pembangunan negara. Saya juga mengucapkan terima kasih di atas kehadiran Yang Berhormat Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri yang menjadi petunjuk kebersamaan kita dalam mengangkat serta memperkasakan TVET.

3. Selepas pandemik Covid-19, permintaan terhadap pekerja berkemahiran tinggi semakin meningkat di seluruh dunia termasuk Malaysia susulan ledakan teknologi serta

kerancakan Revolusi Industri 4.0 yang membawa perubahan drastik dalam dunia teknologi.

4. Sekarang ini dah semakin pantas dengan adanya kecerdasan buatan (AI), robotik, internet kebendaan (IoT), data raya, dan automasi. Jadi, perubahan ini telah memberi kesan kepada pelbagai sektor ekonomi dan mewujudkan peluang pekerjaan TETAPI memerlukan kemahiran teknikal dan kecekapan digital yang tinggi. *But are we ready? Are you ready?*

5. Penilaian World Bank Business Pulse Surveys 2022 mendapati, sebilangan besar kumpulan graduan sedia ada tidak sesuai melakukan pekerjaan berkemahiran tinggi. Maka di sinilah pentingnya bagi Kerajaan dan semua pemegang taruh untuk meningkatkan penjenamaan dan reputasi TVET sebagai aliran terpenting dalam sistem pendidikan negara. Sebahagiannya, adalah dengan terwujudnya Hari TVET Negara pada 2 Jun setiap tahun.

6. Sambutan Hari TVET Negara 2024 ini merupakan manifestasi komitmen semua pihak dalam mendokong hasrat Kerajaan menjadikan TVET sebagai pilihan utama kerjaya seterusnya menjadi pemangkin kepada pembangunan negara. Pelaksanaan sambutan Hari TVET Negara 2024 ini melibatkan gerak kerja kerjasama

merentasi semua Kementerian dan agensi TVET lain-lain pihak berkepentingan.

PERANAN MAJLIS TVET NEGARA DALAM MENGANGKAT AGENDA PEMERKASAAN TVET

Hadirin dan hadirat sekalian,

7. TVET mempunyai peranan signifikan dalam membantu usaha ke arah negara berpendapatan tinggi. Kerajaan sentiasa komited meneruskan usaha dalam mempertingkat keluaran TVET bagi memenuhi keperluan dan kehendak industri masa kini seiring dengan peredaran teknologi semasa.

8. TVET merupakan pemacu utama atau *game-changer* dalam usaha Kerajaan melahirkan tenaga mahir berkemahiran tinggi agar kebergantungan kepada tenaga kerja asing dapat dikurangkan. Selain itu, Kerajaan turut memberi keutamaan dalam memastikan lebih banyak pekerjaan berkemahiran tinggi yang menawarkan gaji setimpal dapat diwujudkan.

9. Bagi tujuan itu, Majlis TVET Negara (MTVET) menggembleng kerjasama bersama Kementerian-

Kementerian yang terlibat dengan TVET, wakil industri dan wakil akademia bagi memastikan pelaksanaan program TVET di pelbagai institusi dapat diperkasakan.

10. Sebagai badan pembuat keputusan tertinggi, MTVET mahu tadbir urus cekap dan berkesan menjadi tunjang dalam memastikan program TVET ditambah baik dan diperkasa secara konsisten. Kesepakatan mesti ditingkatkan, kurangkan pertindihan program dan elakkan persaingan tidak sihat dalam kalangan industri.

INISIATIF DILAKSANA MENERUSI MTVET

11. Sejak mendapat arahan YAB Perdana Menteri untuk menerajui MTVET bermula tahun 2023, beberapa inisiatif penambahbaikan pelaksanaan program TVET telah diperkenal dan dilaksanakan. Tumpuan diberi terhadap pembabitan secara langsung pihak industri dalam program TVET ke arah menyuburkan latihan dipacu industri. Ini diterjemah menerusi pelbagai Memorandum Kerjasama antara institusi latihan dan industri melibatkan syarikat GLC dan swasta.

12. Penjajaran semula program-program selari keperluan semasa industri dan akan datang turut dilakukan. Dasar-

dasar Kerajaan sedia ada seperti Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030), Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga (NETR) dan penumpuan terhadap 5 bidang industri dengan pertumbuhan dan nilai tinggi (high-growth high value, HGHV) merangkumi industri berasaskan peralihan tenaga, industri berasaskan teknologi dan digital, industri elektrik dan elektronik bernilai tinggi, perindustrian dan asas tani, dan industri nadir bumi dijadikan asas rujukan dalam penawaran dan pelaksanan kursus-kursus baharu.

13. Data Raya TVET sedang dibangunkan bagi tujuan penyelarasan tadbir urus dan pemusatan data secara komprehensif berkaitan TVET. Data Raya TVET ini menjadi pusat rujukan bagi semua pemegang taruh bagi mendapatkan data-data yang relevan sebagai asas kepada pembangunan dasar yang efektif.

14. Bagi meluaskan akses dan meningkatkan penyertaan rakyat Malaysia dalam program TVET, program *single window* untuk permohonan kemasukan yang dikenali sebagai UP_TVET telah dibangun dan dilancarkan. Kaedah pengambilan secara fleksibel membuka ruang dan pilihan luas kepada bakal peserta memilih program yang benar-benar diminati.

15. Badan Koordinasi TVET Kerajaan Industri (GITC) turut telah ditubuhkan sebagai sebuah Company Limited by Guarantee (CLBG) bagi menggalakkan penyertaan industri. GITC ini diletakkan di bawah kawalselia Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan modul yang dibangunkan oleh GITC ini akan dimanfaatkan oleh semua institusi TVET merentasi 12 buah Kementerian berkaitan TVET.

16. Saya juga ingin menzahirkan rasa terima kasih kepada YAB Perdana Menteri yang memberi fokus yang besar terhadap pembangunan TVET Negara dan mengangkat ia menjadi agenda nasional untuk dibangunkan oleh Kerajaan Madani. Malah, semasa berlangsungnya Kongres Ekonomi Bumiputera baru-baru ini, terdapat kluster khusus untuk memperhalusi TVET bagi golongan Bumiputera.

17. Hari ini buat julung kalinya, Dasar TVET Negara 2030 yang bermatlamat membawa Malaysia ke arah negara maju berpaksikan modal insan berkemahiran melalui pelaksanaan program TVET yang responsif, fleksibel dan inklusif telah diluluskan oleh Jemaah Menteri. Dasar yang akan dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri bersempena sambutan Hari TVET Negara sebentar lagi akan menjadi tunjang dan berperanan sebagai rujukan dalam memandu

institusi TVET menawar dan melaksana program TVET yang berkualiti berdasarkan keperluan industri dalam usaha melahirkan modal insan berkemahiran.

DASAR TVET NEGARA 2030

18. Pembangunan Dasar TVET Negara 2030 ini dilihat sebagai satu tindakan komprehensif dalam merangka pelan pemerkasaan TVET negara. Teras strategik, strategi dan inisiatif utama yang digariskan akan menjadi rujukan dan panduan kepada penyedia TVET dalam memastikan pelaksanaan program-program TVET lebih responsif, fleksibel dan inklusif seterusnya menjayakan visi membawa Malaysia ke arah negara maju berpaksikan modal insan berkemahiran.

19. Rangkuman pelbagai dasar serta hasil-hasil kajian dan cetusan idea melalui sesi libat urus diterjemahkan kepada 5 teras strategik, 23 strategi dan 67 inisiatif utama yang menjadi tunjang kepada Dasar ini. Saya amat mengharapkan agar Dasar ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua pemegang taruh yang terlibat dalam pelaksaan TVET. Penyeragaman dan kesatuan yang diterjemahkan oleh semua pemegang taruh amat penting untuk memastikan TVET yang menjadi pemacu

perubahan ini dapat memberi impak tinggi kepada kemajuan ekonomi negara.

20. Dasar TVET Negara menggariskan hala tuju yang jelas dalam memperkukuh pembangunan bakat dan modal insan negara. Kerajaan akan memastikan setiap strategi dan inisiatif dilaksanakan secara bersungguh-sungguh dan memberi manfaat kepada rakyat melalui prospek pekerjaan berkemahiran tinggi sekaligus menjanjikan pendapatan lumayan atau yang kita angkat sebagai gaji premium.

21. Melalui Dasar ini, saya amat mengharapkan agar jalinan kerjasama strategik dengan pihak industri berupaya mengoptimumkan kepakaran dan teknologi terkini dalam memenuhi hasrat pelaksanaan TVET dipacu industri. Kerjasama yang kukuh ini seterusnya dapat memastikan padanan antara penawaran dengan permintaan (*demand and supply*) dalam membantu institusi TVET menyediakan keperluan kursus-kursus berteras industri berteknologi tinggi berdasarkan kepada kehendak industri. Keterlihatan dan persepsi positif dilihat mampu memacu minat dan penerimaan masyarakat terhadap bidang TVET.

22. Kecenderungan majikan memilih lulusan TVET bekerja sejak kebelakangan ini dengan sendirinya menghapuskan stigma TVET sebagai pilihan kedua. Peluang dan prospek

kerjaya TVET perlu diberi penekanan bagi meningkatkan kesedaran dan pemahaman jelas kepada masyarakat. Justeru, bagi meningkatkan akses kepada TVET yang berkualiti, imej TVET perlu ditambah baik dan diperkukuh melalui promosi yang berkesan untuk meningkatkan daya tarikan ke arah bidang TVET.

23. Negara maju seperti Jerman, Jepun dan Perancis menganggap TVET sebagai salah satu kekuatan dalam sistem pendidikan. Malah negara serantau seperti Korea Selatan, China dan Singapura juga berusaha memperkasakan bidang ini. Kenapa? Kerana mereka tahu graduan program TVET berpotensi menguasai pengetahuan dan kemahiran praktikal jauh lebih baik seperti diperlukan industri – mereka juga percaya TVET adalah faktor anjakan kemajuan sesebuah negara.

24. Justeru saya berharap, jika direstui YAB Perdana Menteri untuk **diadakan Program Minggu TVET atau Sambutan Hari TVET di peringkat sekolah bagi memberi lebih pemahaman kepada pelajar sebelum mereka melangkah keluar dari alam persekolahan.** Ini juga akan menimbulkan minat kepada mereka, seterusnya membuat perancangan awal dan persediaan untuk mengikuti

program TVET yang bersesuaian untuk melanjutkan pengajian kelak.

25. Pihak sekolah boleh menjemput wakil industri, kolej dan institusi pengajian tinggi yang menawarkan program TVET untuk didedahkan kepada pelajar sempena penganjuran program tersebut. Malah pihak sekolah boleh menjemput ibu bapa supaya mereka juga mendapat pendedahan serta pemahaman, sekali gus lebih terbuka melihat TVET sebagai peluang kerjaya berkemahiran tinggi yang lebih menjamin masa depan anak-anak mereka.

26. **Saya juga ingin mencadangkan untuk diadakan lebih banyak segmen khusus seperti TeknoUsahawan, TVET Tahfiz tetapi untuk lebih capaian segmen masyarakat lain seperti TVET Orang Asli, TVET orang kurang upaya (OKU), pelajar TVET Orang Asal di Sabah dan Sarawak serta anak muda di luar bandar.** Ini dapat memastikan usaha ini berterusan dan terangkum untuk segenap lapisan masyarakat.

27. Tambahan itu, bagi meingkatkan masyarakat terutamanya belia bagi menceburi bidang TVET, **saya ingin memohon kepada YAB Perdana Menteri, untuk disediakan pembiayaan tambahan bagi meningkat pembangunan kemahiran khususnya, bagi bidang-bidang kemahiran**

bernilai tinggi. Ini bagi memantapkan lagi sektor dan industri yang mempunyai pertumbuhan serta nilai tambah yang tinggi dan pada masa yang sama mengwujudkan peluang pekerjaan berimpak tinggi selari dengan keperluan semasa negara.

PENUTUP BICARA

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

28. Akhir kata, saya ingin menekankan bahawa pembangunan modal insan amat kritikal bagi masa depan negara. Saya yakin dan percaya dengan komitmen dan iltizam yang tinggi antara semua pihak yang berkepentingan berkaitan TVET dan sokongan pihak industri, kita semua akan berjaya merealisasikan agenda pemerkasaan TVET seterusnya menjadi negara maju berpendapatan tinggi tercapai seperti yang dihasratkan. Saya yakin TVET akan terus berkembang dan menjadi pilihan utama dalam mencorak masa hadapan masyarakat.
29. Saya sekali lagi merakamkan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri yang dapat bersama-sama kita seterusnya merasmikan Hari TVET Negara 2024 dan meluncurkan

Dasar TVET Negara pada hari ini. Akhir kalam, selamat menyambut Hari TVET Negara 2024.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah. Wassalamu’alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh .

Terima kasih.